



Ruj. Kami : JPA(I)S.175/22/1 Klt.15 (3)
Tarikh : 14 Februari 2020
1/8 Jamadilakhir 1441H

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) UNTUK
PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN
DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH
MASA SESI 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** untuk memohon penajaan **Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)** bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) Secara Sepenuh Masa Sesi 2021. Penajaan HLP ini terbuka kepada semua pegawai **Perkhidmatan Awam Persekutuan** dan **Badan Berkanun Persekutuan**.

3. **Penajaan ini tidak meliputi pegawai** di Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader) dan **Kementerian Kesihatan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), jabatan/agensi/badan berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya (dibebaskan atau tidak dibebaskan) dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan.

4. Urusan temuduga untuk permohonan HLP Sesi 2021 akan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), JPA. Penawaran bagi HLP Sesi 2021 ini akan dilaksanakan mengikut tarikh seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara atas talian melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	14 Februari – 6 Mac 2020
2.	Tarikh tutup pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan	13 Mac 2020
3.	Semakan panggilan ke sesi temuduga melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	April 2020
4.	Semakan keputusan melalui portal eSila, JPA http://esilav2.jpa.gov.my	Jun 2020


5. Bersama ini dilampirkan maklumat terperinci berkenaan syarat dan kriteria, tatacara permohonan dan tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN 1** untuk rujukan dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI MOHAMED)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA